



# Tatacara Kemasukan Pelajar SPACE Separuh Masa ke Dalam Kampus dan Pusat Pembelajaran


1. Gunakan telefon pintar anda




2. Muat turun aplikasi UTMSMART melalui Google Play Store, App Store atau AppGallery



3. Buka aplikasi UTMSMART dan Log In menggunakan UTMID anda.




4. Klik pada SPACE Movement



5. Kemaskini status vaksin

6. Kemaskini pengesahan kesihatan



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# PANDUAN PERGERAKAN PELAJAR (EDISI KE-3)

KELUAR / MASUK KAMPUS  
BERKUAT KUASA 16 MAC 2022

Disediakan oleh:  
Jabatan Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar)  
Universiti Teknologi Malaysia

UTM Johor Bahru

Talian Hotline: 011-18687022  
E-mel: [helpdesk.hep@utm.my](mailto:helpdesk.hep@utm.my) / [tphep@utm.my](mailto:tphep@utm.my)

UTM Kuala Lumpur

HEP : 017-2424122  
E-mel: [heputmkl@utm.my](mailto:heputmkl@utm.my)

# ISI KANDUNGAN

---

NO.	PERKARA	MUKA SURAT
i	Isi Kandungan	1
ii	Tujuan	3
iii	Kaedah Pelaksanaan	4
1.0	Kemasukan Bagi Tujuan Menginap	4
1.1	Sebelum masuk kampus	4
1.2	Semasa masuk kampus	7
1.3	Kes-kes khas	9
1.3.1	Kategori A	9
1.3.2	Kategori B	10
1.4	Pelajar Antarabangsa	11
2.0	Keluar dan Masuk Secara Harian	13
3.0	Kemasukan Secara Harian	14
3.1	Sebelum masuk kampus	14
3.2	Semasa masuk kampus	15
4.0	Keluar Kampus Bagi Tujuan Menginap	16
4.1	Sebelum keluar kampus	16
4.2	Semasa memasuki kampus	17

## ISI KANDUNGAN

---

NO.	PERKARA	MUKA SURAT
5.0	Kategori Kemasukan Pelajar	18
6.0	Pelajar Yang Ingin Menjalani Latihan Industri	20
6.1	Pelajar UTM	20
6.2	Pelajar luar UTM	21

## TUJUAN

---

Panduan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan pergerakan keluar dan masuk kampus yang perlu dipatuhi oleh pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi kampus UTM Johor Bahru dan UTM Kuala Lumpur. Ia meliputi langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan oleh Kolej Kediaman berkuat kuasa pada 16 Mac 2022. Rasional panduan ini dikeluarkan adalah bagi memastikan pergerakan pelajar yang teratur, berfasa dan mengurangkan kadar jangkitan Covid-19 dalam kalangan pelajar dan staf.

Panduan ini juga akan menerangkan kaedah pergerakan pelajar masuk ke dalam kampus untuk tujuan menginap, mengambil barang atau peraturan semasa keberadaan di dalam kampus.

Dengan adanya Panduan Pergerakan Pelajar Edisi Ke-3 ini, maka Pekeliling Pelajar Bil 2/2022 adalah **TERBATAL**.

# KAEDAH PELAKSANAAN

---

## 1.0 Kemasukan bagi Tujuan Menginap

### 1.1 Sebelum Masuk Kampus

- i. Pelajar **WAJIB** mengemaskini status vaksinasi di dalam system UTMSmart sebelum membuat permohonan masuk kampus.
- ii. Syarat memasuki kampus adalah lengkap vaksinasi. Bagi pelajar yang tidak lengkap vaksin atas sebab kesihatan atau menolak vaksin, boleh merujuk perkara 1.3.
- iii. Tarikh kemasukan pelajar ke kampus bagi kemasukan Mac 2022 adalah seperti berikut :

## *Fasa 1*

Kampus	Tarikh	Masa
UTM Johor Bahru	16 hingga 19 Mac 2022 (Rabu – Sabtu)	9.00 pagi hingga 4.30 petang
UTM Kuala Lumpur	18 Mac 2022 (Jumaat)	9.00 pagi hingga 4.00 petang
	19 Mac 2022 (Sabtu)	9.00 pagi hingga 4.00 petang
	20 Mac 2022 (Ahad)	9.00 pagi hingga 12.00 tengahari
UTM SPACE	3 Mac 2022 dan 9 Mac 2022	9.00 pagi hingga 4.30 petang

## *Fasa 2*

Kampus	Tarikh	Masa
UTM Johor Bahru	6 hingga 8 April 2022	9.00 pagi hingga 4.30 petang
UTM Kuala Lumpur		

- 
- iv. Pelajar dikehendaki memohon melalui sistem UTMSmart dengan memilih tarikh Fasa 1/2022 yang telah ditetapkan. Contoh:

\*\* Start Date : 16/03/2022

End Date : 16/03/2022

- v. Pelajar adalah TIDAK DIBENARKAN menukar tarikh kemasukan terutama selepas menerima surat kelulusan kemasukan ke kampus.
- vi. Sekiranya tidak dapat kembali ke kampus mengikut tarikh yang telah ditetapkan atas sebab yang tidak dapat dielakkan, pelajar dikehendaki berhubung dengan pihak FAKULTI tanpa perlu memohon semula melalui sistem UTMSmart (elakkan permohonan berulang).
- vii. Bagi pelajar yang telah memohon melalui sistem UTMSmart tetapi tidak mengikut tarikh yang ditetapkan, sila berhubung dengan Fakulti dan TIDAK PERLU MEMBUAT PERMOHONAN BAHARU.



---

## 1.2 Semasa Masuk Kampus

- i. Kemasukan pelajar bermula dari jam 9.00 pagi sehingga 4.30 petang bagi UTM Johor Bahru. Pelajar UTM Kuala Lumpur boleh merujuk kepada jadual kemasukan.
- ii. Pelajar dibenarkan memasuki kampus melalui Pintu 1 dan Pintu 3 sahaja bagi kampus UTM Johor Bahru dan Pintu Utama Kolej Siswa Jaya (KSJ) bagi UTM Kuala Lumpur.
- iii. Pelajar perlu menunjukkan surat kelulusan memasuki kampus.
- iv. Pelajar perlu menunjukkan status *Health Declaration Form* melalui sistem UTMSmart. Hanya yang berstatus **HIJAU** sahaja dibenarkan masuk.
- v. Pelajar dikehendaki menjalani prosedur imbasan MySejahtera dan imbasan QR Code Masuk Kampus.
- vi. Pelajar dikehendaki terus ke Rumah Alumni (UTM Johor Bahru) atau Astaka KSJ (UTM Kuala Lumpur) bagi menjalani ujian saringan sendiri RTK-Antigen. Kaedah saringan adalah secara pandu lalu.

- 
- vii. Pelajar mendapatkan keputusan ujian saringan sendiri RTK-Antigen yang disahkan oleh Pegawai Perubatan bertugas.
  - viii. Pelajar memuat naik keputusan ujian saringan sendiri RTK-Antigen di sistem UTMSmart
  - ix. Sekiranya keputusan ujian didapati POSITIF, pelajar akan dihantar ke Pusat Kuarantin Blok S46 (UTM Johor Bahru) atau Bilik Kuarantin, Aras 4, Blok B (UTM Kuala Lumpur).
  - x. Sekiranya keputusan ujian disahkan NEGATIF, pelajar dibenarkan masuk ke kolej kediaman masing-masing.
  - xi. Selepas memasuki kolej, sekiranya terdapat pelajar yang bergejala, adalah **DIWAJIBKAN menjalani sekali lagi Ujian RTK-Anitigen**. Kit ujian RTK-Antigen akan dibekalkan kepada pelajar.

---

## 1.3 Kes-kes Khas

Terdapat dua (2) kategori kes-kes khas iaitu; (a) pelajar yang masih belum lengkap vaksin dan tidak divaksin (atas faktor kesihatan) dan (b) pelajar yang menolak vaksin. Terdapat pengukuhan SOP yang perlu dipatuhi:

### 1.3.1 Kategori A

- i. Sebelum memasuki kampus, perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan berdaftar dan wajib mengemaskini status vaksinasi di dalam sistem UTMSmart.
- ii. Pelajar perlu menjalani ujian RTK-Antigen sekali sebelum kembali ke kampus, termasuk cuti penggal dan cuti umum.
- iii. Menjalani ujian RTK-Antigen sekiranya bergejala dan memaklumkan keputusan ujian kepada Fellow kolej atau Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM).
- iv. Ujian RTK-Antigen boleh diperolehi dari Fellow kolej atau Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM).

---

### 1.3.1 Kategori B

- i. Pelajar perlu menjalani ujian RT-PCR sekali, **tiga (3)** hari sebelum kembali ke kampus dan mengemukakan keputusan ujian ketika memasuki kampus.
- ii. Pelajar perlu menandatangani surat Aku Janji di hadapan pegawai yang bertugas.
- iii. Untuk penempatan di dalam kampus, pelajar akan ditempatkan di penempatan khas yang akan ditetapkan oleh pihak Kluster Hospitaliti.
- iv. Semasa berada di kampus, pelajar perlu menjalani ujian RTK-Antigen secara berkala (**seminggu sekali**).
- v. Sekiranya bergejala, pelajar perlu menjalani ujian sendiri RTK-Antigen dan memaklumkan keputusan kepada Fellow atau Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM).

\* Semua ujian RT-PCR dan RTK-Antigen adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

---

## 1.4 Pelajar Antarabangsa

- 1.4.1 Berikut merupakan kategori pelajar antarabangsa yang telah lengkap Covid-19 vaksinasi dan dibenarkan masuk ke Malaysia:
- i. Semua pelajar baharu dan sedia ada kecuali pelajar yang datang dari negara yang tersenarai dalam senarai larangan (<https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/>);
  - ii. Pelajar antarabangsa yang terlibat di dalam program Mobiliti dan Edupelancongan.
- 1.4.2 Semua tanggungan pelajar antarabangsa yang sah dibenarkan masuk ke Malaysia kecuali mereka yang datang dari negara yang disenaraikan dalam senarai larangan (<https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/>).
- 1.4.3 Semua pelajar antarabangsa dari luar negara mesti menjalani kuarantin wajib atau dipertimbangkan untuk permohonan kuarantin di rumah atau kediaman (jika ada) dengan kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau di kemudahan kuarantin yang diwartakan selama lima (5) hari (pelajar dewasa yang telah diberi vaksin sepenuhnya dengan dos penggalak atau remaja yang mengembara bersendirian) ATAU tujuh (7) hari (divaksin sepenuhnya tanpa dos penggalak).

---

1.4.4 Untuk kuarantin di rumah / kediaman di bawah Perintah Pengawasan Rumah (HSO):

- i. Pelajar antarabangsa yang telah lengkap vaksinasi COVID-19 dan ingin memohon kuarantin di rumah / kediaman di bawah Perintah Pengawasan Rumah (HSO) boleh mengemukakan permohonan mereka kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Layari <https://ecovid19.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index> portal untuk memohon dan permohonan hendaklah dibuat **empat (4) hingga sepuluh (10) hari** sebelum tarikh kemasukan ke Malaysia.
- ii. Walau bagaimanapun, kuarantin di rumah / kediaman tidak dibenarkan di kampus UTM walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberi kebenaran. Mana-mana kuarantin di rumah / kediaman mestilah di luar Kampus UTM.

\* Untuk butiran lanjut mengenai prosedur pergerakan, sila rujuk laman web EMGS.

---

## 2.0 Keluar dan Masuk Kampus secara Harian

- 2.1 Pelajar diberi kebenaran keluar dari kampus bermula dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 malam.
- 2.2 Pelajar akan dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati melebihi had masa yang ditetapkan seperti terkandung dalam Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar 1999).
- 2.3 Semasa keluar dan memasuki kampus, tiada sebarang dokumen yang perlu dikemukakan kepada Pengawal Keselamatan.
- 2.4 Walau bagaimanapun, semakan kad matrik pelajar dan pelekat kenderaan masih berkuat kuasa. Pelajar yang tidak dapat membuktikan perkara tersebut tidak dibenarkan memasuki kampus.

---

## 3.0 Kemasukan Secara Harian

Kemasukan secara harian bagi urusan akademik, makmal, perpustakaan, pentadbiran, kewangan, pengambilan barang di kolej kediaman atau apa-apa urusan yang berkaitan di dalam kampus.

### 3.1 Sebelum Masuk Kampus

- i. Pelajar wajib mengemaskini status vaksinasi di dalam system UTMSmart sebelum membuat permohonan masuk kampus. Bagi pelajar yang tidak lengkap vaksinasi, boleh merujuk perkara 1.3.
- ii. Pelajar dikehendaki membuat permohonan masuk ke kampus melalui Sistem UTMSmart
- iii. Pelajar memuat turun surat kelulusan di Portal MyUTM.
- iv. Mengemaskini **Health Declaration Form (HDF)**.
- v. Memastikan rekod di aplikasi MySejahtera berstatus 'risiko rendah'.
- vi. Membuat janji temu kepada pihak jabatan/makmal/bahagian yang berkaitan setelah mendapat surat kelulusan.



---

## 3.2 Semasa Masuk Kampus

- i. Pelajar menunjukkan surat kelulusan memasuki kampus.
- ii. Pelajar perlu menunjukkan rekod **Health Declaration Form** (HDF).
- iii. Pelajar diminta mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak Universiti dan MKN sepanjang keberadaan di dalam kampus.

---

## 4.0 Keluar Kampus bagi Tujuan Menginap

### 4.1 Sebelum Keluar Kampus

- i. Pelajar dikehendaki mengisi permohonan melalui Sistem UTMSmart dengan memilih kategori *Holiday / Emergency*.
- ii. Masukkan tarikh keluar dan tarikh masuk semula ke kampus. Contoh :  
  
\*\* Start Date: 1/05/22  
End Date : 6/05/22
- iii. Permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sehari (1) sebelum keluar kampus.
- iv. Permohonan perlu mendapat sokongan daripada Pengetua dan kelulusan daripada Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).
- v. Pelajar boleh menjana surat di Portal MyUTM sebelum keluar dari kampus.

---

## 4.2 Semasa Memasuki Kampus

- i. Sebelum memasuki kampus, pelajar adalah DIGALAKKAN menjalani ujian saringan sendiri RTK-Antigen bagi memastikan bebas daripada jangkitan virus Covid-19.
- ii. Semasa tiba di pintu masuk, pelajar perlu kemukakan perkara berikut :
  - Mengemukakan Surat Kelulusan Keluar Menginap
  - Mempamerkan paparan pergerakan pelajar di UTMSmart
- iii. Pelajar yang pulang dari bercuti atau pulang dari kampung dikehendaki menjalani penilaian sendiri setelah memasuki kampus melalui aplikasi MySejahtera dalam tempoh tujuh (7) hari.
- iv. Sekiranya bergejala, pelajar dikehendaki terus ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bagi menjalani ujian saringan sendiri RTK-Antigen. Kos ujian adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

---

## 5.0 Kategori Kemasukan Pelajar

Berdasarkan Surat Pekeliling Akademik Bil. 1/2022 bertarikh 24 Januari 2022 oleh Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), kemasukan pelajar adalah secara berperingkat. Berikut merupakan kategori pelajar yang diberi keutamaan untuk masuk kampus :

1. Pelajar yang menjalani Latihan Industri di UTM.
2. Pelajar yang mempunyai keperluan masuk kampus dengan ketetapan KPT yang memerlukan pertemuan fizikal (Contoh: menduduki peperiksaan badan professional, projek tahun akhir di makmal).
3. Pelajar yang berstatus Tidak Selesai (TS)
4. Pelajar program penyelidikan Pasca Siswazah.
5. Pelajar Kemasukan Sem I Sesi 2020/21 (dicadangkan kemasukan secara berperingkat mengikut Fakulti).
6. Pelajar terjejas yang memerlukan ruang pembelajaran kondusif.
7. Pelajar Kemasukan Sem I Sesi 2021/22 (dicadangkan kemasukan secara berperingkat mengikut Fakulti).

ENTERING CAMPUS

	KATEGORI	KATEGORI DI SISTEM UTMSMART	PENYOKONG	PELULUS
1	Pelajar yang menjalani Latihan Industri di UTM.	INTERNSHIP PROGRAMME – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
2	Pelajar yang mempunyai keperluan masuk kampus dengan ketetapan KPT yang memerlukan pertemuan fizikal (Contoh: menduduki peperiksaan badan professional)	EXAMINATION – DAILY ENTRY	FAKULTI	FAKULTI
		EXAMINATION – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
3	Pelajar yang berstatus Tidak Selesai (TS)	ACADEMIC MATTERS – DAILY ENTRY	FAKULTI	FAKULTI
		ACADEMIC MATTERS – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
4	Pelajar program penyelidikan Pascasiswazah (PG).	LAB/RESEARCH PURPOSE (PG) – DAILY ENTRY	FAKULTI	FAKULTI
		LAB/RESEARCH PURPOSE (PG) – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
5	Pelajar Prasiswah (UG) berkeperluan makmal/ projek tahun akhir di makmal.	LAB/RESEARCH PURPOSE (UG) – DAILY ENTRY	FAKULTI	FAKULTI
		LAB/RESEARCH PURPOSE (UG) – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
6	Pelajar Kemasukan Sem I Sesi 2020/21 (dicadangkan kemasukan secara berperingkat mengikut Fakulti).	ACADEMIC MATTERS – DAILY ENTRY	FAKULTI	FAKULTI
		ACADEMIC MATTERS – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
7	Pelajar terjejas yang memerlukan ruang pembelajaran kondusif.	CONDUSIVE ENVIRONMENT – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
8	Pelajar Kemasukan Sem I Sesi 2021/22 (dicadangkan kemasukan secara berperingkat mengikut Fakulti).	ACADEMIC MATTERS – DAILY ENTRY	FAKULTI	FAKULTI
		ACADEMIC MATTERS – STAY IN COLLEGE	FAKULTI	HEP
	<b>LAIN – LAIN KATEGORI</b>		<b>PENYOKONG</b>	<b>PELULUS</b>
1	Keperluan mengambil barang dalam stor/ bilik di kolej kediaman	COLLECT BELONGING – DAILY ENTRY (kelulusan Kluster Hospitaliti)	KLUSTER HOSPITALITI	KLUSTER HOSPITALITI
2	Keperluan peminjaman/pemulangan/ belajar di perpustakaan	LIBRARY MATTERS – DAILY ENTRY (kelulusan Perpustakaan)	PERPUSTAKAAN	PERPUSTAKAAN
3	Keperluan urusan visa/ paspot/ insurans di pejabat UTM International	VISA/ PASSPORT/ INSURANCE MATTERS (STUDENT INTERNATIONAL) – DAILY ENTRY (kelulusan UTM International)	UTM INTERNATIONAL	UTM INTERNATIONAL

---

## 6.0 Pelajar yang ingin menjalani Latihan Industri

### 6.1 Pelajar UTM

Bagi pelajar UTM yang akan menjalani latihan industri adalah tertakluk kepada ketetapan berikut :

- i. Sekiranya menjalani LI di dalam kampus, pelajar dibenarkan kekal menginap di kolej sedia ada masing-masing.
- ii. Sekiranya menjalani LI di luar kampus, pelajar dibenarkan menginap di kolej yang telah ditetapkan iaitu di Kolej Datin Seri Endon (KDSE).
- iii. Sekiranya menjalani LI dalam kampus dan masuk secara harian (menginap di luar), pelajar perlu mendapatkan surat kebenaran masuk dari PSM PTJ masing-masing (merujuk kepada SOP pelawat).
- iv. Pelajar yang menjalani LI di UTM KL dan kawasan sekitarnya tidak dibenarkan menginap di Kolej Siswa Jaya dan perlu menginap di luar.

---

## 6.2 Pelajar Luar UTM

Bagi pelajar luar yang akan menjalani latihan industri di dalam kampus atau sekitar kawasan kampus adalah tertakluk kepada ketetapan berikut :

- i. Sekiranya menjalani LI dalam kampus, pelajar boleh menginap di kolej yang telah ditetapkan iaitu di Kolej Datin Seri Endon (KDSE).
- ii. Sekiranya menjalani LI di luar kampus, pelajar dicadangkan untuk mendapatkan penginapan secara menyewa di KLG Residensi.
- iii. Sekiranya menjalani LI dalam kampus dan masuk secara harian (menginap di luar), pelajar perlu mendapatkan surat kebenaran masuk dari PSM PTJ masing-masing (merujuk kepada SOP pelawat).
- iv. Pelajar yang menjalani LI di UTM KL dan kawasan sekitarnya tidak dibenarkan menginap di Kolej Siswa Jaya dan perlu menginap di luar.